SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PENYELIA BANGUNAN TEMPAT PERHENTIAN (C.1-2 EB.3)
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

1. <u>Syarat-Syarat Am:</u>

(A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

(C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

(D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. <u>Sila Ambil Perhatian:</u>

(A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.

(B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.

PENYELIA BANGUNAN TEMPAT PERHENTIAN
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
C.1-2 EB.3 ($1,280 - $2,270 EB KHAS $2,340 – $2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang *Building* atau bidang bersesuaian.

ATAU

b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memastikan semua operasi, fasiliti, kebersihan dan perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa sentiasa beroperasi dengan baik;

2. Berhubung rapat dengan agensi berkepentingan di Lapangan Terbang seperti *Control Tower*, Pusat Kawalan Operasi Royal Brunei *(Royal Brunei Operations Control Centre)* dan Seksyen Kejuruteraan dan Pemeliharaan Aset di dalam kerja harian;

3. Bertanggungjawab bagi memastikan semua pintu berlepas dalam keadaan tertutup/ buka mengikut jadual penerbangan;

4. Menyelaras serta memastikan syarikat yang dilantik melaksanakan kerja-kerja pembersihan di seluruh bangunan Terminal Lapangan Terbang serta troli-troli ditempatkan tempat yang dikhaskan selepas setiap Penerbangan; dan

5. Bertindak sebagai sebahagian daripada pasukan kecemasan berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) serta Pelan Kecemasan Lapangan Terbang *(Airport Emergency Plan)* yang telah ditetapkan;

6. Menyelaras acara dan lawatan rasmi dan tidak rasmi daripada agensi Kerajaan dan swasta;

7. Menyelaras dengan pihak berkepentingan Lapangan Terbang (Polis, Imigresen, Kastam dan pihak *Airline*) bagi kelancaran tetamu dan delegasi luar negeri bagi acara rasmi dan tidak rasmi;

8. Penyediaan logistik-logistik yang diperlukan semasa acara yang akan dikendalikan di Lapangan Terbang;

9. Penyediaan senarai serta gambar barang-barang rosak / tidak digunakan lagi untuk proses penghapusan / pelupusan; dan

10. Bertindak sebagai sebahagian daripada pasukan kecemasan berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) serta Pelan Kecemasan Lapangan Terbang *(Airport Emergency Plan)* yang telah ditetapkan.